



جَبَاتُ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِسلامِ نَغَرِي سَابَاھِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اَلْخُطْبَةُ الْجُمُعِيَّةُ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

26 ZULHIJJAH 1447H / 12 JUN 2026M

“MAAL HIJRAH: MADANI DIHAYATI, UMMAH DIBERKATI”

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ اللَّهِ
وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

JAMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-Nya yang beroleh kebahagiaan di dunia dan keselamatan di akhirat. Khatib ingin mengingatkan para jamaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Janganlah berbual-bual, tidur dengan sengaja, ataupun bermain telefon bimbit kerana perbuatan tersebut boleh menghapuskan pahala ibadah kita. Sebaliknya, mendengarkan khutbah dengan sepenuh perhatian adalah sebahagian daripada kesempurnaan solat Jumaat. Firman Allah SWT melalui surah al-Baqarah, ayat 218 yang telah disampaikan di awal mukaddimah khutbah sebentar tadi **yang bermaksud:** “Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah.

Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” Ayat yang mulia ini menjadi teras kepada mesej yang ingin disampaikan mimbar pada hari ini bahawa hijrah bukan sekadar peristiwa sejarah, hijrah adalah jalan menuju rahmat Allah SWT yang sentiasa terbuka luas bagi mereka yang beriman, berhijrah dari keburukan kepada kebaikan, dan bersungguh-sungguh berjuang di jalan-Nya.

Empat hari lagi, kita akan menyambut tibanya tahun baru Islam, iaitu 1 Muharram 1448H, yang lebih dikenali sebagai Maal Hijrah. Justeru, mimbar pada hari ini ingin mengajak seluruh jamaah Jumaat yang dimuliakan Allah SWT untuk bersama-sama menghayati mesej hijrah melalui khutbah yang bertajuk: ***“Maal Hijrah: Madani Dihayati, Ummah Diberkati.”***

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Hijrah Nabi Muhammad SAW dari Makkah al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah bukan sekadar peristiwa perpindahan fizikal dari satu kota ke kota yang lain. Hijrah adalah titik tolak kepada satu revolusi peradaban yang mengubah wajah dunia selama-lamanya. Di Madinah, Rasulullah SAW membangunkan sebuah masyarakat yang berpegang teguh kepada nilai-nilai ketuhanan, kemanusiaan, keadilan dan persaudaraan. Inilah yang dimaksudkan dengan masyarakat madani iaitu masyarakat yang beradab, bersatu padu, dan dihiasi dengan akhlak mulia di bawah panduan wahyu Ilahi. Firman Allah SWT berfirman melalui surah al-Hasyr, ayat 9:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقِ شَحْنَفَ نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: *“Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri*

mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.”

Ayat ini memperlihatkan kepada kita tiga teras masyarakat madani yang dibina di Madinah: **pertama**, kekuatan iman yang menjadi asas perpaduan; **kedua**, kecintaan sesama umat yang melampaui batas keturunan dan suku; dan **ketiga**, sifat ithar, iaitu mengutamakan kepentingan saudara melebihi kepentingan diri sendiri.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN SEKALIAN,

Apakah hakikat konsep madani yang harus kita hayati dalam konteks kehidupan hari ini? Masyarakat Madani bukan sekadar masyarakat yang maju dari segi pembangunan material tetapi masyarakat yang maju rohani dan jasmaninya secara seimbang, saling menghormati antara satu sama lain, bekerjasama dalam kebaikan, dan bersatu menentang segala kemungkaran. Rasulullah SAW bersabda:

تَرَى الْمُؤْمِنِينَ فِي تَرَاخُمِهِمْ وَتَوَادِّهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ كَمَثَلِ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى عُضْوًا تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ جَسَدِهِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى.

Maksudnya: “Engkau melihat orang-orang mukmin dalam saling berkasih sayang, saling mencintai dan saling bersimpati seperti satu tubuh. Apabila satu anggota tubuh mengadu sakit, seluruh tubuh turut merasainya dengan berjaga malam dan demam.” (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Sabda Baginda SAW ini melukiskan gambaran Masyarakat Madani yang ideal, yang diikat bukan dengan kepentingan kebendaan semata-mata, tetapi oleh

tali ukhuwah yang kukuh, rasa empati yang mendalam, dan semangat tolong-menolong yang tidak pernah padam.

MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Hijrah yang sejati bukanlah sekadar perubahan tempat, tetapi perubahan hati. Hijrah bermakna meninggalkan segala sifat buruk, kejahilan, dan kedangkalan untuk menuju kepada kesempurnaan akhlak dan ketinggian peradaban. Mimbar ingin mengingatkan bahawa dalam kehidupan hari ini, terdapat tiga bentuk hijrah yang perlu kita hayati dan laksanakan demi mencapai keredaan Allah SWT:

Pertama: Hijrah daripada kejahilan kepada ilmu. Umat Islam mesti kembali meraikan tradisi keilmuan yang menjadi kebanggaan tamadun Islam. Membaca, menuntut ilmu dan memanfaatkan teknologi untuk kebaikan adalah tuntutan agama, bukan sekadar keperluan duniawi.

Kedua: Hijrah daripada perpecahan kepada perpaduan. Kekuatan umat Islam terletak pada perpaduannya. Perbezaan pendapat adalah fitrah, namun perbezaan tidak boleh dijadikan alasan untuk berpecah belah. Kita perlu memupuk semangat *tasamuh*, yakni sikap toleransi dan saling faham-memahami dalam kerangka akidah yang satu.

Ketiga: Hijrah daripada kelalaian kepada amal soleh. Maal Hijrah mengingatkan kita bahawa masa terus berlalu dan setiap detik adalah peluang untuk menambah bekalan menuju akhirat. Rebutlah peluang ini dengan memperbanyakkan ibadah, sedekah dan amal kebajikan.

Sebagai kesimpulan, marilah kita jadikan sambutan Maal Hijrah 1448H ini bukan sekadar majlis perayaan semata-mata, tetapi sebagai muhasabah diri yang mendalam dan pembaharuan komitmen kita kepada Allah SWT, kepada agama, dan sesama umat. Hayatilah nilai-nilai Madani dalam kehidupan harian

kita agar ummah ini sentiasa diberkati dan dirahmati Allah SWT. Firman Allah SWT melalui surah ar-Ra'd, ayat 11:

... إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۚ ... ﴿١١﴾

Maksudnya: "...Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri..."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JAMAAH YANG DIKASIHI,

Mimbar pada hari ini ingin menyentuh satu isu yang amat membimbangkan, yang baru-baru ini telah menjadi tular dan hangat diperkatakan oleh seluruh lapisan masyarakat di negeri Sabah kita yang tercinta. Pada penghujung bulan Mei 2026 yang lalu, Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah JHEAINS telah menjalankan operasi besar-besaran di sebuah dewan sekolah di Likas, Kota Kinabalu, dan berjaya menahan seramai 300 orang termasuk 12 pemimpin yang dipercayai menganjurkan program kumpulan Jamaah Ahmadiyah Qadiani, iaitu sebuah kumpulan yang telah lama difatwakan sesat dan menyeleweng daripada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah oleh Majlis Fatwa Negeri Sabah sejak tahun 2006 dan diwartakan secara rasmi pada tahun 2007. Hal ini seharusnya menjadi peringatan keras buat kita semua bahawa ancaman ajaran sesat bukanlah isu baharu di negeri ini. Ajaran sesat ini masih bergerak aktif di celah-celah masyarakat kita, menyelinap dengan cara yang tersembunyi, memanfaatkan kelompongan ilmu agama dan kelalaian kita dalam menjaga akidah diri, keluarga, dan komuniti.

JAMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Apakah yang dimaksudkan dengan ajaran sesat? Ia adalah setiap fahaman atau amalan yang mendakwa datang daripada agama Islam tetapi bertentangan dengan prinsip-prinsip asas akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bercanggah dengan keesaan Allah, kenabian, al-Quran, dan syariat yang disepakati oleh ulama. Golongan sebegini amat berbahaya kerana mereka menggunakan nama dan simbol Islam untuk mengelirukan umat. Rasulullah SAW telah memberi amaran awal mengenai bahayanya ajaran sesat melalui sabdanya **yang bermaksud:** *“Akan ada pada akhir umatku orang-orang yang menceritakan kepada kamu perkara-perkara yang tidak pernah kamu dengar dan tidak pernah didengar oleh bapa-bapa kamu, maka jauhilah mereka.”* (Riwayat Muslim)

MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Dalam semangat Maal Hijrah yang bakal menjelang, marilah kita berhijrah dari sikap alpa dalam menjaga akidah kepada sikap proaktif dan berwaspada.

Sebagaimana para sahabat Rasulullah SAW mempertahankan kemurnian akidah mereka walaupun dalam tekanan, demikianlah kita hari ini mesti berdiri teguh mempertahankan kesucian akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah warisan Nabi SAW. Kerajaan Negeri Sabah melalui JHEAINS tidak akan berkompromi dalam menangani sebarang ajaran yang menyesatkan umat Islam. Bahkan kita perlu bersyukur dan menyokong usaha-usaha pihak berkuasa agama ini sepenuh hati. Namun, tanggungjawab itu tidak selesai di tangan pihak berkuasa sahaja. Ancaman ini perlu dibendung bermula dari rumah kita masing-masing, dari didikan ibu bapa, dan dari kecaknaan kita terhadap sesama saudara seagama.

وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ.
فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا
كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَحَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى
تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفْرَتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً
مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.
اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ،
مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, Ya Rahman Ya Rahim, Bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin, dan di setiap pelosok alam yang dicengkam kezaliman.

Ya Allah, jadilah Engkau sebaik-baik Pelindung yang memayungi mereka, Penolong yang mengubati duka lara mereka, dan Penyokong yang meneguhkan langkah mereka. Ya Allah, timpakanlah azab dan kekuasaan-Mu ke atas para penzalim yang melampaui batas, runtuhkanlah kesombongan mereka, dan goncangkanlah bumi di bawah telapak kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun* serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يُؤْمَرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com